



**PERMOHONAN
KAD PERJALANAN PERNIAGAAN APEC
(Warganegara Malaysia Sahaja)**



Jabatan Imigresen Malaysia

Asia-Pacific Economic Cooperation

A MAKLUMAN

Kad Perjalanan Perniagaan APEC (APEC Business Travel Card - ABTC) merupakan satu inisiatif pertubuhan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) dalam usaha untuk membantu ahli-ahli perniagaan yang sering berurusan dengan ekonomi APEC. Kad ini membantu menjimatkan masa dan kos ahli-ahli perniagaan di dalam memenuhi keperluan visa dan syarat-syarat kemasukan ke negara-negara APEC.

Kad ini memudahkan aliran keluar masuk di pintu-pintu masuk utama di negara-negara APEC yang menyediakan Skim ABTC di mana pemegang ABTC dikecualikan dari visa untuk kemasukan ke negara-negara anggota APEC yang mengenakan visa ke atas rakyat Malaysia. Ia disediakan sebagai salah satu galakan kepada ahli perniagaan di kalangan negara-negara anggota APEC menjalankan perniagaan atau urusan rasmi.

Pemohon yang menggunakan ABTC mestilah terlibat dengan urusan perniagaan atau rasmi di antara negara-negara anggota APEC. Maklumat yang diberikan oleh pemohon di dalam borang ini akan diedarkan ke semua negara peserta bagi mendapatkan status pra-kelulusan visa. Kelulusan oleh negara-negara peserta akan disalurkan melalui sistem ABTC secara *online*.

B PEMOHON YANG LAYAK

1. Ahli-ahli Pentadbiran dan Pegawai Kerajaan dengan sokongan Kementerian/ Jabatan berkenaan.
2. Ahli-ahli perniagaan yang sering berurusan untuk mengadakan aktiviti-aktiviti perdagangan dan pelaburan dengan negara-negara APEC dengan perakuan daripada:
 - a) Dewan Perniagaan dan Perindustrian atau Persatuan Pekilang-pekilang peringkat Kebangsaan;
 - b) Persatuan Perniagaan dan Perindustrian peringkat Kebangsaan;
 - c) Badan-badan Ikhtisas peringkat Kebangsaan; dan
 - d) Agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan.

Peringatan :

1. Pemohon tidak pernah terlibat dalam sebarang kegiatan jenayah.
2. ABTC adalah sah digunakan oleh pemegang kad sahaja.
3. Pemegang ABTC dilarang menggunakan kad ini bagi tujuan bekerja di luar negara.
4. Kad ini sah untuk tujuan perjalanan perniagaan sahaja.

C FAEDAH-FAEDAH MENGGUNAKAN KAD

1. Ia memberikan ahli-ahli perniagaan kemudahan yang sama dengan perjalanan tanpa visa ke negara-negara anggota APEC melalui sistem pra-kelulusan visa yang mudah dan cepat.
2. Ia memudahkan urusan perjalanan dengan menyediakan laluan khas APEC di lapangan terbang utama setiap negara anggota ABTC.
3. Pemegang kad masih perlu membawa pasport dan tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa di negara berkenaan.

D NEGARA ANGGOTA YANG MENYERTAI SKIM ABTC

ABTC sah laku untuk perjalanan ke:

Australia, Brunei Darussalam, Chile, China, Chinese Taipei, Filipina, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Korea, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Peru, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Makluman:

1. Tempoh pemprosesan ABTC adalah dalam tempoh 3 bulan, bergantung kepada kelulusan yang diberikan oleh negara anggota menerusi sistem ABTC.
2. ABTC akan dikeluarkan sebaik kelulusan diterima dari negara-negara anggota yang dipohon.

E MAKLUMAT BERKAITAN ABTC

1. Tempoh sah laku ABTC adalah selama 3 tahun ATAU mengikut tempoh sah laku pasport, yang mana terdahulu. Oleh yang demikian, pemohon adalah digalakkan untuk memastikan tempoh sah laku pasport adalah tidak kurang dari 3 tahun.
2. Pemohon yang mempunyai tempoh sah laku pasport kurang dari 3 tahun perlu mengemukakan salinan pasport baru serta ABTC sedia ada kepada Jabatan Imigresen Malaysia, Putrajaya untuk memperoleh baki sah laku ABTC.

F DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

PEMOHON YANG BEKERJA DI DALAM NEGARA	PEMOHON YANG BEKERJA DI LUAR NEGARA
1. Borang permohonan yang diisi dengan lengkap	1. Borang permohonan yang diisi dengan lengkap
2. Salinan mukasurat maklumat Pasport Malaysia (tempoh sah laku 3 tahun)	2. Salinan mukasurat maklumat Pasport Malaysia (tempoh sah laku 3 tahun)
3. Surat permohonan dari majikan (nyatakan nama pemohon, no. pasport, jawatan, tujuan permohonan Kad Perjalanan Perniagaan APEC dan sokongan daripada majikan)	3. Surat permohonan dari majikan (nyatakan nama pemohon, no. pasport, jawatan, tujuan permohonan Kad Perjalanan Perniagaan APEC dan sokongan daripada majikan)
4. Gambar terbaru berukuran pasport - 1 keping (latar belakang biru)	4. Gambar terbaru berukuran pasport - 1 keping (latar belakang biru)
5. <i>Surat sokongan (sila rujuk Bahagian B)</i>	5. <i>Salinan Permit Kerja/ Permastautin Tetap (PR)</i>
6. <i>Borang 49 & 24 (Borang Pendaftaran Syarikat) - Jika berkenaan</i>	6. <i>Borang Pendaftaran Syarikat - Jika berkenaan</i>

G PEMBAHARUAN KAD PERJALANAN PERNIAGAAN APEC

1. Kemukakan dokumen seperti permohonan asal.
2. Adalah digalakkan supaya sebarang permohonan dibuat 6 bulan sebelum tarikh tamat ABTC.

H BAYARAN

1. Jabatan Imigresen Malaysia akan menghantar **e-mel** kepada pemohon untuk membuat bayaran dan mengambil Kad Perjalanan Perniagaan APEC setelah kelulusan diberikan oleh negara anggota.
2. Kadar bayaran sebanyak **RM100.00** akan dikenakan setiap kali ABTC dikeluarkan (termasuk pembaharuan kad).
3. Bayaran perlu dijelaskan semasa mengambil Kad tersebut.
4. Bayaran boleh dibuat melalui:
 - i) Kaunter imigresen - bayaran secara tunai, wang pos atau bank draf (wakil dibenarkan untuk membuat bayaran dan mengambil Kad dengan membawa surat kebenaran dari pemohon).
 - ii) Pos - bayaran menggunakan wang pos atau draf bank (bagi pengambilan kad melalui pos, sila nyatakan nama, alamat dan nombor permohonan di belakang wang pos atau draf bank).
5. Bayaran melalui draf bank atau wang pos hendaklah dibuat atas nama **KETUA PENGARAH IMIGRESEN MALAYSIA**.

I PENGHANTARAN PERMOHONAN

Serahkan/ kirimkan permohonan yang lengkap kepada :

**Pengarah Bahagian Visa, Pas dan Permit
Jabatan Imigresen Malaysia
Tingkat 3 (Podium), Blok 2G4, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62550 PUTRAJAYA
u.p. : Unit Kad Perjalanan Perniagaan APEC**

Peringatan :

Semua ruang di dalam borang hendaklah diisi dengan lengkap atau ia akan dikembalikan dan jika didapati anda telah memberi maklumat yang salah, Jabatan Imigresen Malaysia berhak membatalkan permohonan anda.

Untuk pertanyaan sila hubungi unit Kad Perjalanan Perniagaan APEC :

Telefon (Talian terus) : 03 - 8880 1515
Telefon (Talian Am) : 03 - 8880 1000
Fax : 03 - 8880 1374
E-mel : abtc@imi.gov.my

Untuk semak status permohonan anda, sila layari: www.businessmobility.org/key/MalaysiaCardStatus.asp